

Kesediaan Pengusaha dalam Membangunkan Program Pengalaman Homestay Di Negeri Sembilan

Operators' Readiness in Developing Homestay Experience Programme in Negeri Sembilan

¹Muhammad Nazri Mohd Nasser

²Habibah Ahmad

³Norngainy Tawil

³Shamsubaridah Ramlee

³Maisarah Mohd Rabu

Program Sains Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi
UKM CESMED, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Muhammad Nazri Mohd Nasser (muhammadnazri17@yahoo.com)

ABSTRAK

Pelancongan homestay di Malaysia telah berkembang dengan baik dan menjadi salah satu sektor pelancongan utama untuk pendapatan negara. Pelancongan homestay ini menjadi pilihan hati kepada pelancong untuk bercuti dan melancong dalam negara. Pada masa kini, pelancong ingin sesuatu yang baru dan berbeza dari kebiasaan ketika melancong. Sebagai respons kepada perkara ini, sektor program homestay ini telah dijenamakan sebagai program pengalaman homestay. Bagaimanapun, timbul tanda tanya apakah para pengusaha sudah mempunyai persediaan untuk berubah kepada tuntutan baru ini. Makalah ini bertujuan untuk mengenalpasti ketersediaan pengusaha dalam menyediakan program pengalaman homestay di Negeri Sembilan. Hasil kajian ke atas lima buah homestay telah mendapati bahawa terdapat ketersediaan itu bergantung kepada pertama, kefahaman ke atas kelebihan tarikan homestay mereka, terutama dari segi pengalaman homestay yang bersandarkan alam sekitar, kebudayaan, adat resam, bahasa dan sejarah. Homestay Pachitan yang terkenal dengan kebudayaan masyarakat Jawa Pachitan dari Jawa Timur yang berasal dari kampung bernama Kampung Pachitan. Homestay Klawang dikenali dengan khazanah alam sekitar yang tidak ternilai harganya yang mana sungai berdekatan datang dari jeram air terjun melalui Banjaran Titiwangsa Malaysia. Secara mendalam kesediaan pengusaha homestay menekankan rumah/aset, pengetahuan/kemahiran dan kepimpinan. Dari sudut komuniti, kepentingan faktor sosial, ekonomi, alam sekitar dan teknologi. Faktor kesediaan pengusaha juga berkait rapat dengan sokongan kerajaan/agensi dengan 3 indikator iaitu governans, insentif dan jaringan.

Katakunci: pelancongan Homestay, pengalaman, pengusaha, Komuniti, Kerajaan/Agensi

ABSTRACT

Homestay tourism in Malaysia have developed and become one of the key tourism sector to the national income. Homestay has become of the choices for vacation and travel in the country. Today, tourists seem to demand new experience and different from their normal routine when traveling. In response to this, the homestay program has been rebranded as a homestay experience program. However, the question arises whether the operators are ready to make a change to meet the demands. This paper aims to identify the readiness of entrepreneurs in providing homestay experience programme in Negeri Sembilan. The results of the study on five homestay found that there was readiness depends on the availability of the first, an understanding of the advantages of their homestay attraction, especially in terms of the homestay experience that builds the environment, culture, customs, language and history. Homestay Pachitan is known for its culture of East Java that comes from a village called Kampung Pachitan. Homestay Klawang is known on the environmental treasures that are priceless which comes from the rapids of the river running throughout the Titiwangsa Mountain Range of Malaysia. In total, readiness of the homestay operators comprised the households / assets, knowledge / skills and leadership. From the community's needs, the social, economic, environmental and technology are important. Factors of readiness are also closely related to the support of government agency namely governance, incentives and networks.

Keywords: tourism Homestay, experience, operators, Community, Government / Agency

1. Pengenalan

Homestay merupakan salah satu daripada program pelancongan yang ditawarkan oleh negara Malaysia sebagai usaha memajukan industri pelancongan. Inisiatif membangun dan menawarkan homestay di kebanyakan kawasan luar bandar sebenarnya bertujuan untuk membangunkan ekonomi penduduk luar bandar. Prestasi homestay di negara ini sejak ia diperkenalkan pada awal 1980an juga menunjukkan ketidaktentuan yang semakin ketara. Di kebanyakan negara Asean, tindakan membangunkan homestay banyak digerakkan oleh komuniti itu sendiri dengan hanya pembiayaan kerajaan adalah sangat kecil. Malahan, sejak kebelakangan ini homestay telah memberikan dimensi baru dalam penawaran produk mereka bagi para pengusaha, mereka digesa menawarkan pengalaman homestay berbanding dengan hanya menawarkan program homestay.

Namun, kajian ini perubahan produk daripada program kepada pengalaman bukan satu perkara yang mudah dilaksanakan, paling ketara ialah cabaran kesediaan para pengusaha untuk berubah dan ini memerlukan banyak perspektif dan amalan. Walaupun kajian di Malaysia dalam pembangunan homestay sudah menjangka dua dekad, pengukuran terhadap dimensi ini belum dikemukakan secara komprehensif. Salah sebuah negeri yang turut membangunkan homestaynya adalah negeri Sembilan. Terdapat lebih daripada 10 buah homestay dan hanya beberapa sahaja yang dikatakan mampu bertahan dan menonjolkan ciri kelestariannya.

Dengan adanya perubahan dalam menawarkan homestay ini daripada berada dalam acuan program, dan kini wajar mengubah mengikut acuan pengalaman, maka kajian tentang perkara ini tidak dapat diabaikan langkah. Dengan berasaskan kajian empirikal dan turut serta, makalah ini bertujuan menilai kesediaan pengusaha homestay untuk merubah daripada program kepada suatu pengalaman. Kajian ini dilakukan di Negeri Sembilan iaitu di Homestay Rawa, Homestay Pachitan, Homestay Klawang, Homestay Lonek dan Homestay Gemas. Homestay-homestay ini mempunyai latar belakang yang tersendiri dari tarikan dan keunikan alam semulajadi yang berdekatan, kebudayaan dan hubungan baik dengan pelancong dari dalam mahupun dari luar negara. Sehubungan makalah akan membincangkan kesediaan pengusaha dari elemen yang

pertama, pengusaha dari sudut rumah/aset, pengetahuan/kemahiran dan kepimpinan. Yang kedua, komuniti dari sudut sosial, ekonomi, alam sekitar dan teknologi. Yang ketiga kerajaan/agensi dari sudut mukim/daerah, negeri dan negara.

2. Tinjauan Kajian Lepas

Konsep Asas Kajian

Takrif Homestay. Menurut Amran Hamzah (2010), di Malaysia definisi rasmi bagi inap desa mengikut Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (MOCAT, 1995) ialah: ‘...di mana pelancong tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah dan mempelajari gaya hidup serta budaya mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung’ Sementara itu Othman (2010) mendefinisikan konsep *homestay* sebagai sebuah kawasan perkampungan yang terpencil atau jauh dari pusat bandar yang telah dijadikan sebagai tempat atau pusat tumpuan pelancong berikutan wujudnya ciri-ciri menarik seperti suasana yang damai dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Penglibatan Agensi Atau Institusi merujuk kepada penglibatan aktif dan tidak aktif dalam sesebuah projek pembangunan. Dalam konteks pembangunan lestari menitikberatkan penggunaan sumber yang ada dengan bijak dengan keprihatinan diberi kepada soal perancangan, komitmen dan penglibatan kerajaan serta pihak lain yang berkaitan atau berkepentingan (Rees 1989:13).

Tuan Rumah. Tuan rumah dirujuk sebagai pengusaha atau pemilik yang menjalankan atau memiliki perniagaan atau premis homestay untuk tujuan menjalankan kegiatan homestay. Tuan rumah dalam homestay adalah mereka yang berdaftar dengan pihak pemegang taruh di sesebuah negara. Mereka sering mendapat latihan yang dapat membolehkan mereka menjalankan kegiatan ini. Selain itu tuan rumah juga dapat dilihat dalam konteks komuniti yang menawarkan kegiatan homestay.

Kesediaan Komuniti. Kesediaan komuniti merujuk kepada keupayaan pengetahuan, kemahiran, pengurusan dan sokongan komuniti yang dimiliki oleh sesebuah komuniti untuk tujuan pembangunan program pelancongan seperti homestay (Moscardo, 2008). Kegagalan masyarakat untuk terlibat dalam peringkat perancangan akan menjejaskan bentuk pembangunan pelancongan bagi keperluan komuniti setempat. Malahan menurut Hall (2005), masyarakat juga akan gagal meramal faedah yang bakal dinikmati oleh komuniti disebabkan oleh masalah.

3. Karya lepas

3.1 Pelancongan Berasaskan Komuniti (Community Based Tourism)

Pembangunan industri pelancongan luar bandar amat bergantung kepada pembangunan perniagaan mikro dan kecil dalam pelbagai sektor untuk merangsang ekonomi tempatan, sekaligus memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dari segi perkembangan ekonomi, budaya sosial, perkhidmatan, dan taraf hidup (Nunkoo & Gursoy, 2012). Pembangunan pelancongan di kawasan luar bandar telah dikaitkan dengan kewujudan perniagaan-perniagaan kecil hasil daripada tindak balas kepada permintaan pelancong (Irvine & Anderson, 2004). Menurut Asker et al., (2010) CBT menggalakkan komuniti setempat berkerjasama atau

penglibatan daripada dua belah pihak, iaitu pelancong dan tuan rumah dalam sesebuah projek pelancongan yang disusun oleh komuniti itu sendiri.

3.2 Kelestarian Homestay

Secara asasnya, konsep pembangunan pelancongan lestari memasukkan elemen keprihatinan terhadap penggunaan sumber warisan alam semulajadi dan budaya dalam pembangunan pelancongan (Wanhill 1997).McIntyre (1993) menekankan bahawa pelancongan lestari memerlukan kedua-dua pihak yang menawarkan pelancongan (pihak yang menawarkan infrastruktur, kemudahan, produk dan perkhidmatan pelancongan) dan pihak pengguna pelancongan (pelancong, pengunjung dan mereka yang menggunakan produk pelancongan) untuk sama-sama mengutamakan aspek pemuliharaan sumber pelancongan di samping mencapai matlamat masing-masing (matlamat pihak yang menawarkan ialah untuk mendapatkan pulangan kewangan sementara matlamat pelancong ialah untuk memuaskan kehendak kunjungan mereka).

3.3 Kerangka Kajian

Dalam kajian ini, kesediaan pengusaha untuk menceburi program pengalaman homestay dapat dilihat dalam tiga teras utama, iaitu pengusaha, komuniti dan institusi pemerintah. Bagi pengusaha, terdapat beberapa elemen utama iaitu misi dan semangat, rumah sebagai aset, dan kepimpinan. Sementara itu di peringkat komuniti, elemen utama mencakupi faedah dan aspek sosial, ekonomi dan persekitaran. Ketiga, ialah peranan institusi pemerintah yang terdapat di setiap peringkat yang menyokong pembangunan homestay.





4. Latarbelakang Responden

4.1 Maklumat Komuniti Kampung

Berdasarkan kajian yang dilakukan di homestay terpilih di Negeri Sembilan, seramai 76 orang pengusaha homestay yang berdaftar telah memberikan kerjasama untuk kajian ini. Maklumat komuniti kampung ini menerangkan maklumat responden seperti jantina, umur, pekerjaan utama, pendapatan sebulan, kelulusan akademik, pendapatan lain dalam keluarga dan bilangan bilik rumah.

JADUAL 1. Maklumat Komuniti Kampung

	Butir-butir	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	18	23.7
	Perempuan	58	76.3
Umur	26-30 Tahun	1	1.3
	36-40 Tahun	4	5.3
	41-45 Tahun	2	2.6
	46-50 Tahun	10	13.2
	51-55 Tahun	6	7.9
	56-60 Tahun	53	69.7
Pekerjaan Utama	Kerajaan	3	3.9
	Swasta	3	3.9
	Sendiri	57	75.0
	Lain-lain	13	17.1
Pendapatan Sebulan	RM 0 – RM1500	52	68.2
	RM1600 – RM2000	14	18.4
	RM2100 – RM2500	3	3.9
	RM2600 – RM3000	3	3.9
	RM3100 Ke Atas	4	5.2
Kelulusan Akademik	Ijazah	3	3.9
	Diploma/STPM	5	6.6
	SPM	40	52.6
	PMR/SRP/Lain-lain	28	36.8
Pendapatan Lain Dalam Keluarga	Pertanian	58	76.3
	Penternakan	2	2.6
	Produk SME	16	21.1
Bilangan Bilik	1	3	3.9

	2	21	27.6
	3	21	27.6
	4	20	26.3
	5	5	6.6
	7	6	7.9
Tempoh Penglibatan	1 Tahun – 5 Tahun	24	31.6
	6 Tahun – 10 Tahun	37	48.7
	11 Tahun – 15 Tahun	15	19.7

Jumlah keseluruhan komuniti kampung di dalam kajian ini adalah seramai 76 responden. Sebanyak 23.7% bersamaan 18 orang daripada adalah lelaki. Ini menunjukkan bahawa pengusaha homestay tidak ramai yang melibatkan disebabkan bukan minat. Manakala daripada kalangan perempuan merupakan jumlah yang tertinggi dengan jumlah 58 orang bersamaan 76.3%. Ini dapat membuktikan bahawa perempuan sememangnya amat gemar melibatkan diri dengan program pengalaman homestay atas beberapa sebab iaitu faktor minat, peluang penajanaan pendapatan dan lain-lain.

Dari segi umur, sebanyak 1.3% bersamaan 1 orang adalah di antara 26 hingga 30 tahun. Ini dapat membuktikan bahawa penglibatan homestay ini tidak ramai daripada golongan belia ini. Bagi mereka penajanaan pendapatan lebih lumayan sekiranya bekerja di kawasan bandar kerana peluang pekerjaan dan tingkat gaji yang baik. Seramai 4 orang bersamaan 5.3% adalah daripada 36 hingga 40 tahun. 2.6% bersamaan 2 orang berumur 41 hingga 45 tahun. 13.2% bersamaan 10 orang daripada mereka adalah 46 hingga 50 tahun. 7.9% bersamaan 6 orang adalah 51 hingga 55 tahun. Yang terakhir adalah sebanyak 69.7% bersamaan 53 orang adalah berumur 56 hingga 60 tahun.

Jenis pekerjaan utama pengusaha homestay. Pengusaha homestay ini mempunyai pelbagai latar belakang jenis pekerjaan. Seramai 3 orang dengan nilai peratusan 3.9% adalah bekerja di sektor kerajaan seperti pegawai kerajaan negeri dan pembantu tadbir. Manakala dari sektor swasta pula, dari pekerja kilang dan pegawai tadbir swasta yang mempunyai nilai peratusan 3.9% dengan seramai 3 orang. Manakala, 75.0% dengan jumlah 57 orang adalah bekerja sendiri seperti buruh kampung, petani, perniagaan katering dan sebagainya. Lain-lain adalah 17.1% bersamaan 13 orang.

Pendapatan sebulan pengusaha homestay. 68.3% bersamaan 52 orang adalah pendapatan sebanyak RM0 hingga RM 1500 sebulan. Pendapatan sebulan daripada RM1600 hingga RM2000 adalah 18.4% 14. 3.9% bersamaan 3 orang adalah sebanyak RM2100 hingga RM2500 dan RM2600 hingga RM3000. Pendapatan sebulan sebanyak RM3100 dan ke atas adalah 5.2% seramai 4 orang.

Kelulusan akademik responden. Sebanyak 3.9% bersamaan 3 orang adalah kelulusan Ijazah. 6.6% bersamaan 5 orang adalah berkelulusan diploma/STPM. Manakala, 52.6% bersamaan 40 orang adalah berkelulusan SPM. 36.8% bersamaan 28 orang berkelulusan PMR/SRP/ Lain-lain.

Pendapatan lain dalam keluarga pengusaha homestay. 76.3% bersamaan 58 orang memperolehi pendapatan daripada pertanian. 2.6% seramai 2 orang pula menyatakan mereka menceburi sektor penternakan. Paling banyak iaitu selebihnya 21.1% seramai 16 orang memperoleh dalam bidang produk SME. Bilangan bilik rumah. 3.9% seramai 3 orang mempunyai 1 buah bilik. 27.6% seramai 21 orang mempunyai 2 dan 3 buah bilik. 26.3% seramai 20 orang mempunyai 4 bilik. 6.6% seramai 5 orang pula mempunyai 5 buah bilik. Manakala, 7 buah bilik pula ialah 7.9% seramai 6 orang. Dari segi tempoh penglibatan dalam homestay pula, 31.6% seramai 24 orang adalah dalam lingkungan 1 tahun hingga 5 tahun penglibatan. 48.7%

seramai 37 orang adalah dalam lingkungan 6 tahun hingga 10 tahun penglibatan. Manakala, 19.7% seramai 15 orang adalah dalam lingkungan 11 tahun hingga 15 tahun penglibatan.

5. Dapatan dan Perbincangan: Kesiediaan Pengusaha Homestay

5.1 Pengusaha

Misi Dan Semangat

Jadual 2 menunjukkan min bagi indikator Pengusaha: Misi Dan Semangat pengusaha homestay. Daripada dapatan ini, kesemua kenyataan berkenaan dengan misi berada di aras yang sangat tinggi. Paling tinggi min 4.93 adalah berkisar kepada kenyataan mampu melakukan sesuatu kerja secara berterusan dalam jangka masa yang lama. Ini diikuti oleh dua kenyataan iaitu adalah 'menyediakan halatuju yang jelas bagi memudahkan perjalanan perniagaan dan mampu menghadapi saingan perniagaan' yang masing-masingnya 4.92. Ini menunjukkan pengusaha homestay telah cakna akan risiko yang bakal dihadapi. Mereka juga sedar tentang risiko yang bakal dihadapi dalam perniagaan. Oleh itu, pengusaha homestay ini telah bersedia apa jua risiko. Kemungkinan risiko dari perniagaan iaitu kerugian akibat tiada permintaan dari pelancong. Ini dapat dilihat dengan min kenyataan ini memperoleh 4.91. Walau bagaimanapun, bagi kenyataan yang berkisar kepada 'pengusaha mempunyai wawasan atau matlamat yang jelas' minnya adalah 4.87. Ini membuktikan bahawa pengusaha homestay ini telah bersedia dalam program pengalaman homestay. Pun begitu mereka tidak terkecuali mempunyai rancangan masa depan mengembangkan perniagaan. Pengusaha homestay ini telah menetapkan perancangan masa hadapan bagi mengembangkan jaringan dan pengaruhnya dengan melakukan kerjasama dengan kerajaan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

JADUAL 2 Min Bagi Indikator Pengusaha : Misi dan Semangat

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
MISI DAN SEMANGAT	Mempunyai wawasan atau matlamat yang jelas	76	4.87
	Mempunyai rancangan masa depan mengembangkan perniagaan	76	4.88
	Menyediakan halatuju yang jelas bagi memudahkan perjalanan perniagaan	76	4.92
	Sedar tentang risiko yang bakal dihadapi dalam perniagaan	76	4.91
	Mampu menghadapi saingan perniagaan	76	4.92
	Mampu melakukan sesuatu kerja secara berterusan dalam jangka masa yang lama	76	4.93

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

Rumah/Aset

Jadual 3 menunjukkan min bagi indikator Rumah/Aset. Daripada keseluruhannya, para pengusaha memberikan respons yang berada pada min 4.84 hingga 4.88. Bagi mereka, rumah semestinya mencapai aras penyediaan yang baik, tidak kira paling asas iaitu rumah mempunyai bekalan elektrik, bekalan air dan bilik air dan bilik tidur. Begitu juga dengan jaminan keselamatan bagi mereka sebagai tetamu. Didapati juga mereka akur dengan dapur yang menyumbang min

tinggi 4.89. Ini kerana mereka peka kepada penyediaan alat menyediakan makanan yang bersih dan dapat menjadi ruang bersama melakukan aktiviti memasak dan makan bersama. Tidak terkecuali kemudahan rumah yang dapat menyediakan bilik yang lengkap. Kenyataan ini memperoleh sebanyak 4.86 di mana mereka berpandangan para pengusaha menyediakan kemudahan asas di dalam bilik tidur seperti bantal, katil, tilam dan peralatan diri.

JADUAL 3 Min Bagi Indikator Pengusaha : Rumah/Aset

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
TUAN	Rumah dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan	76	4.88
RUMAH : RUMAH/ASET	Rumah mempunyai bilik khas berasingan untuk pelancong	76	4.84
	Rumah mempunyai bekalan elektrik dan selamat digunakan	76	4.89
	Rumah mempunyai bekalan air yang bersih dan sumber air yang mencukupi	76	4.89
	Menyediakan kemudahan asas di dalam bilik tidur	76	4.86
	Bilik air atau tandas dalam keadaan yang bersih dan selesa	76	4.84
	Dapur rumah selesa dan bersih untuk digunakan	76	4.89
	Dapur rumah menyediakan kelengkapan dapur	76	4.89

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

Pengetahuan/Kemahiran

Jadual 4 menunjukkan min pengetahuan/aset yang memperincikan pengetahuan dan kemahiran pengusaha homestay. Min keseluruhannya berada pada aras 4.76 hingga 4.86. Ini menunjukkan bahawa rata-rata pengusaha berpandangan pengetahuan mereka masih lagi belum mencapai tahap yang tinggi. Paling rendah ialah min 4.76 bagi taraf pendidikan merupakan indikator yang penting dalam program pengalaman homestay. Adanya pendidikan pada setiap pengusaha homestay dapat membuktikan bahawa pengurusan homestay dapat dilaksanakan dengan baik dan mantap.

JADUAL 4 Min Bagi Indikator Pengusaha : Pengetahuan/Aset

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
PENGETAHUAN/KEMAHIRAN	Taraf pendidikan merupakan indikator yang penting dalam program pengalaman homestay	76	4.76
	Taraf pendidikan diperlukan untuk menjana pengetahuan atau kemahiran bagi mengurus program pengalaman homestay	76	4.80
	Komunikasi merupakan medium yang penting dalam program pengalaman homestay	76	4.86
	Kemahiran berkomunikasi perlu bagi tujuan promosi program pengalaman homestay	76	4.83
	Kursus komunikasi diperlukan sebagai kesediaan menerima pelancong domestik mahupun antarabangsa	76	4.83
	Kemahiran kraftangan merupakan sumber kekuatan program pengalaman homestay	76	4.83
	Kraftangan seharusnya ada di setiap homestay bagi mempromosikan hasil seni pengusaha kampung homestay	76	4.80

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

Pengusaha homestay tahu apa yang harus dilakukan untuk program pengalaman homestay bagi menjanjikan kepuasan para pelancong. Taraf pendidikan diperlukan untuk menjana pengetahuan atau kemahiran bagi mengurus program pengalaman homestay dan kraftangan seharusnya ada di setiap homestay bagi mempromosikan hasil seni pengusaha kampung homestay pula sebanyak

4.80. Komunikasi merupakan medium yang penting dalam program pengalaman homestay pula memperoleh 4.86, dan ini menunjukkan bahawa mereka sedar bahawa kelebihan ini perlu dipertingkatkan dengan sebaiknya. Begitu juga dengan kemahiran berkomunikasi bagi tujuan promosi program pengalaman homestay yang memperoleh min 4.83. Para pengusaha berpandangan kursus komunikasi diperlukan sebagai kesediaan menerima pelancong domestik mahupun antarabangsa, malah memperteguhkan lagi kemahiran kraftangan sumber kekuatan program pengalaman homestay.

Kepimpinan

Jadual 5 menunjukkan min bagi indikator Kepimpinan Pengusaha. Keseluruhannya min pandangan pengusaha tentang kepimpinan mereka berada pada min 4.75 hingga 4.83. Min pandangan bahawa pengusaha memerlukan kursus kepimpinan bagi program pengalaman homestay sebanyak 4.75. Bagi mereka kursus ini ia amat diperlukan oleh pengusaha homestay sebagai persediaan pengusaha homestay dalam program pengalaman homestay. Selain itu, corak kepimpinan yang tersusun dapat membimbing pengusaha homestay untuk merangka strategi atau pelan tindakan bagi program pengalaman homestay juga berada 4.76.

JADUAL 5 Min Bagi Indikator Pengusaha : Kepimpinan

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
KEPIMPINAN	Pengusaha memerlukan kursus kepimpinan bagi program pengalaman homestay	76	4.75
	Pengurusan kepimpinan yang baik dapat menentukan matlamat program pengalaman homestay mengikut landasan yang betul	76	4.82
	Corak kepimpinan yang tersusun dapat membimbing pengusaha homestay untuk merangka strategi atau pelan tindakan bagi program pengalaman homestay	76	4.76
	Corak kepimpinan yang baik dapat menilai semula perancangan dan pelaksanaan program pengalaman homestay	76	4.79
	Corak kepimpinan yang betul dapat mempengaruhi pengusaha homestay kepada daya kepimpinan dalam setiap pengusaha homestay	76	4.80
	Corak kepimpinan yang baik dapat memotivasikan pengusaha homestay	76	4.83
	Corak kepimpinan yang berkesan dapat melatih diri pengusaha homestay untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah	76	4.82

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

Agak menonjol, dengan min 4.82 adalah pengurusan kepimpinan yang baik dapat menentukan matlamat program pengalaman homestay mengikut landasan yang betul. Bagi Encik Nazri dan Encik Fahmi, kepimpinan penting sebagai tunjang tulang belakang kepada homestay Pachitan yang bertindak menyusun dan merangka sebarang pengurusan serta membahagikan tugas kepada ahli-ahli pegusaha homestay dengan baik. Selain daripada itu, para pengusaha berpandangan corak kepimpinan yang baik dapat menyerlahkan cara mereka menilai semula perancangan dan pelaksanaan program pengalaman homestay. Kepimpinan yang baik merupakan kepimpinan yang mampu mempengaruhi yang lain atau memotivasikan anak buah mereka, dan ini mendapat min yang tinggi, 4.83. Akhir sekali, 4.82 adalah corak kepimpinan yang berkesan dapat melatih diri pengusaha homestay untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah. Secara tidak langsung pengusaha homestay akan bersedia dan tidak merasakan ia sesuatu bebanan yang tidak dapat diatasi.

5.2 Komuniti

Sosial

Jadual 6 menunjukkan min indikator Komuniti yang berkaitan dengan sosial. Keseluruhannya, min tentang perkara ini berada di aras yang tinggi iaitu di antara 4.84 hingga 4.89. Rata-rata para pengusaha program ini memberikan faedah sosial. Min kebudayaan merupakan sumber kekuatan dalam program pengalaman homestay adalah sebanyak 4.84. Ini menunjukkan bahawa ramai pengusaha homestay menyokong kebudayaan adalah sumber kekuatan atau tarikan kepada pelancong untuk datang mengalaminya di homestay.

JADUAL 6 Min Bagi Indikator Komuniti : Sosial

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
KOMUNITI : SOSIAL	Kebudayaan merupakan sumber kekuatan dalam program pengalaman homestay	76	4.84
	Kebudayaan memerlukan penglibatan komuniti kampung untuk kepentingan sukan tradisi sebagai sumber kekuatan	76	4.87
	Sukan tradisi sebagai sumber kekuatan dalam program pengalaman homestay	76	4.89
	Aktiviti desa memerlukan penglibatan komuniti kampung	76	4.87
	Masalah gejala sosial dapat diatasi dengan penglibatan komuniti khususnya golongan belia	76	4.88
	Masalah pengganguran dapat dikurangkan melalui penglibatan kerja di homestay	76	4.86
	Infrastruktur yang baik dan terjaga akan meningkatkan kualiti program pengalaman homestay	76	4.87
	Infrastruktur yang mencukupi akan menarik kedatangan pelancong	76	4.86

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

Manakala bagi min sebanyak 4.87, terdapat tiga indikator yang mempunyai nilai min yang sama. Yang pertama, kebudayaan memerlukan penglibatan komuniti kampung untuk kepentingan sukan tradisi sebagai sumber kekuatan. Yang kedua, aktiviti desa memerlukan penglibatan komuniti kampung. Yang ketiga, infrastruktur yang baik dan terjaga akan meningkatkan kualiti program pengalaman homestay. Selain itu, 4.89 adalah bagi sukan tradisi sebagai sumber kekuatan dalam program pengalaman homestay. Masalah gejala sosial dapat diatasi dengan penglibatan komuniti khususnya golongan belia memperoleh min 4.88. Akhir sekali, masalah pengganguran dapat dikurangkan melalui penglibatan kerja di homestay dan infrastruktur yang mencukupi akan menarik kedatangan pelancong sebanyak min 4.86.

Ekonomi

Faedah ekonomi lazimnya menentukan kesediaan pengusaha dalam menceburi dalam bidang ini. Jadual 7 menunjukkan min yang memperincikan mengenai ekonomi komuniti. Keseluruhannya min berada pada aras 4.61 hingga 4.82. Dengan sela pencapaian yang agak besar, faedah ekonomi didapati belum memberikan faedah yang maksimum. Walau bagaimanapun dengan Min sebanyak 4.82 adalah pendapatan melalui program homestay sudah mencukupi untuk menampung keperluan keluarga, menunjukkan faedah homestay menyumbang kepada ekonomi rumah tangga. Ramai pengusaha telah bersetuju yang menerima pandangan ini. Kebanyakan

daripada mereka yang telah bersara dari pekerjaan dan berusia 60 tahun dan ke atas. Agak menarik, min 4.79 dicapai oleh dua indikator. Yang pertama, pendapatan sampingan dapat meningkatkan lagi pendapatan keluarga. Yang kedua, penternakan mampu menjana pendapatan ekonomi pengusaha dan komuniti homestay. Daripada pandangan ini, pencapaian yang berkaitan dengan SME dirasakan belum cukup memuaskan. Produk SME mampu menjana pendapatan ekonomi pengusaha dan komuniti homestay adalah 4.61.

JADUAL 7 Min Bagi Indikator Komuniti : Ekonomi

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
KOMUNITI : EKONOMI	Pendapatan melalui program homestay sudah mencukupi untuk menampung keperluan keluarga	76	4.82
	Pendapatan sampingan dapat meningkatkan lagi pendapatan keluarga	76	4.79
	Pertanian mampu menjana pendapatan ekonomi pengusaha dan komuniti homestay	76	4.80
	Penternakan mampu menjana pendapatan ekonomi pengusaha dan komuniti homestay	76	4.79
	Produk SME mampu menjana pendapatan ekonomi pengusaha dan komuniti homestay	76	4.61
	Perikanan mampu menjana pendapatan ekonomi pengusaha dan komuniti homestay	76	4.71
	Perhutanan mampu menjana pendapatan ekonomi pengusaha dan komuniti homestay	76	4.71

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

Alam Sekitar

Jadual 8 menunjukkan min Komuniti berkaitan dengan pandangan mereka tentang Alam Sekitar. Walaupun berada dalam lingkungan alam semula dan suasana kampung, pencapaian ini tidak begitu memuaskan. Keseluruhan min berada pada aras 4.57 hingga 4.75. Mereka rata-rata memberikan keutamaan kepada persekitaran kampung dapat diperindah dengan hiasan yang menarik. Begitu juga dengan pembersihan berkala. Kedua-dua aspek ini mendapat min 4.75. menunjukkan aspek alam sekitar. Walau bagaimanapun dengan min sebanyak 4.57 adalah bagi penjagaan alam sekitar merupakan elemen yang penting dalam program pengalaman homestay, ini menunjukkan aktiviti ini perlu dimantapkan lagi. Bagi mereka, gotong royong dan aktiviti pembersihan persekitaran kampung wajar dijalankan setiap bulan bersama komuniti dan pengurusan sisa pepejal diuruskan ke tempat yang sesuai.

JADUAL 8 Min Bagi Indikator Komuniti : Alam Sekitar

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	Mean
KOMUNITI : ALAM SEKITAR	Penjagaan alam sekitar merupakan elemen yang penting dalam program pengalaman homestay	76	4.57
	Aktiviti pembersihan persekitaran kampung wajar dijalankan setiap bulan bersama komuniti	76	4.68
	Pengurusan sisa pepejal diuruskan ke tempat yang sesuai	76	4.68
	Persekitaran kampung perlu diperindah dengan hiasan-hiasan yang menarik	76	4.75
	Aktiviti bergotong-royong wajar dijalankan sebagai salah satu aktiviti mingguan komuniti	76	4.74
	Pembersihan berkala dapat meningkatkan kualiti alam sekitar	76	4.75

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

Teknologi

Jadual 9 menunjukkan min indikator Alam Sekitar. Keseluruhannya min bagi teknologi berada di aras 4.57 hingga 4.67. Daripada data ini, didapati para pengusaha merasakan mereka belum mencapai tahap yang tinggi. Mereka merasakan pengendalian pengurusan homestay dan mendapatkan maklumat, berhubung dengan pihak lain perlu dilakukan seiring dengan perubahan teknologi. Malah mereka memberikan pandangan min sebanyak 4.66 bagi penggunaan teknologi adalah penting bagi tujuan promosi. Sebagai contoh, melalui teknologi pihak homestay dapat membuat perhubungan komunikasi dengan pelanggan (pelancong) dalam sebarang permintaan untuk mengalami program pengalaman homestay. Bagi mereka, Teknologi membantu meningkatkan jaringan rangkaian yang lebih besar, dan min ini berada pada 4.67.

JADUAL 9 Min Indikator Komuniti : Teknologi

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
KOMUNITI : TEKNOLOGI	Teknologi amat diperlukan dalam pengendalian pengurusan homestay, mendapatkan maklumat, berhubung dengan pihak lain dan sebagainya	76	4.57
	Homestay menyediakan kemudahan peralatan teknologi yang diperlukan	76	4.62
	Teknologi membantu meningkatkan jaringan rangkaian yang lebih besar	76	4.67
	Penggunaan teknologi adalah penting bagi tujuan promosi	76	4.66

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

5.3 Kerajaan/agensi

Tidak dinafikan peranan kerajaan sangat penting dalam pembangunan program homestay. Ini dapat dilihat dari segi governans, insentif dan jaringan.

Governans

Jadual 10 menunjukkan Min bagi indikator Kerajaan/Agensi : Governans. Min ini berada pada aras 4.13 hingga 4.24. Daripada dapatan ini, Min 4.21 bermula dengan perhubungan antara komuniti dengan mukim atau daerah adalah akrab. Ramai pengusaha homestay menyokong bahawa perhubungan antara komuniti dengan mukim atau daerah adalah akrab. Ini membuktikan bahawa sokongan wakil mukim atau daerah akan menguatkan lagi homestay pada masa kini dan akan datang. Penghulu kampung bersama-sama dalam aktiviti program pengalaman homestay berada pada nilai min sebanyak 4.24

JADUAL 10 Min Bagi Indikator Kerajaan/Agensi : Governans

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
MUKIM/DAERAH	Perhubungan antara komuniti dengan mukim atau daerah adalah akrab	76	4.21
	Penghulu kampung bersama-sama dalam aktiviti program pengalaman homestay	76	4.24
	Penduduk kampung memberikan kerjasama yang baik dalam membantu program pengalaman homestay	76	4.18
	Pengusaha homestay dan penghulu kampung bergerak seiring dalam meningkatkan lagi taraf ekonomi masyarakat	76	4.13
	Pihak sekolah di kawasan sekitar membawa pelajarnya menyertai program pengalaman homestay	76	4.18

Pihak mukim/daerah memberikan sumbangan kewangan/bukan kewangan kepada program pengalaman homestay	76	4.14
--	----	------

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

Penglibatan penghulu kampung mampu mempengaruhi kekuatan dan meningkatkan organisasi homestay dan ramai pengusaha yang menyokong perkara. Sebagai bukti, nilai min menunjukkan nilai yang tinggi. Penduduk kampung memberikan kerjasama yang baik dalam membantu program pengalaman homestay dan pihak sekolah di kawasan sekitar membawa pelajarinya menyertai program pengalaman homestay pada nilai min yang tinggi iaitu 4.18. Pengusaha homestay dan penghulu kampung bergerak seiring dalam meningkatkan lagi taraf ekonomi masyarakat pada nilai min 4.13. Pihak mukim/daerah memberikan sumbangan kewangan/bukan kewangan kepada program pengalaman homestay pada nilai min 4.14.

Insentif dan Sokongan

Jadual 11 menunjukkan min Insentif. Daripada kesemua kenyataan ini, min berada di aras 3.95 hingga 4.03, dan dengan kata lain, min ini berada di tahap baik dan sederhana. Walau bagaimanapun, dengan nilai min yang sama iaitu 4.03, peranan kerajaan sebenarnya sentiasa diberikan kepada para pengusaha. Pertama, pihak agensi/kerajaan memberikan sumbangan kewangan/bukan kewangan kepada program pengalaman homestay. kedua, pihak agensi/kerajaan membantu mencari mempromosikan homestay. Walau bagaimanapun, mereka merasakan pihak agensi/kerajaan membantu memberikan kursus kepada pengusaha homestay yang berada pada min 3.99, perlu diperteguhkan lagi. Sumbangan dan peranan universiti sekitar membantu homestay dalam pelbagai sudut (homestay angkat dan inovassi) mendapat rank min sebanyak 3.96, perlu diperteguhkan.

JADUAL 11 Min Bagi Indikator Kerajaan/Agensi : Insentif

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
KERAJAAN/AGENSI NEGERI	Perhubungan antara agensi/kerajaan adalah baik	76	3.95
	Pihak agensi/kerajaan memberikan sumbangan kewangan/bukan kewangan kepada program pengalaman homestay	76	4.03
	Pihak agensi/kerajaan membantu mencari mempromosikan homestay	76	4.03
	Pihak agensi/kerajaan membantu memberikan kursus kepada pengusaha homestay	76	3.99
	Pihak institusi universiti sekitar membantu homestay dari pelbagai sudut seperti (homestay angkat dan sebagainya)	76	3.96

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

Jaringan

Jadual 12 menunjukkan Min Bagi Indikator Kerajaan/Agensi : Jaringan. Indikator yang pertama, promosi telah dibuat di negara khususnya di Malaysia berada pada aras min 3.70. Ini dapat dilihat melalui promosi yang dilakukan iaitu Tahun Melawat Malaysia sebagai contoh. Melalui promosi tersebut, pelancong telah tahu akan promosi dan berminat untuk datang bertandang bercuti. Indikator yang kedua, sumber kewangan/bukan kewangan diperolehi hasil bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia dengan 3.74. Indikator yang ketiga, sumbangan bukan kewangan diberikan melalui program sukarelawan dari seluruh negara dengan 3.76. Yang terakhir, lonjakan pendapatan ekonomi negara hasil daripada kedatangan pelancong ke homestay

berada paa min 3.68. Melalui kekuatan jaringan yang pelbagai ini, para pengusaha dapat telah melonjakkan ekonomi negara hasil daripada kedatangan pelancong dari luar negara dan domestik.

JADUAL 12 Min Bagi Indikator Kerajaan/Agensi : Jaringan

INDIKATOR	BUTIR-BUTIR	N	MIN
KERAJAAN	Promosi telah dibuat di negara khususnya di Malaysia	76	3.70
/AGENSI : NEGARA	Sumber kewangan/bukan kewangan diperolehi hasil bajet yang dibentangkan oleh perdana menteri Malaysia	76	3.74
	Sumbangan bukan kewangan diberikan melalui program kesukarelawan dari seluruh negara	76	3.76
	Lonjakkan pendapatan ekonomi negara hasil daripada kedatangan pelancong ke homestay	76	3.68

(Sumber : Kajian Lapangan 2017)

6. Rumusan

Makalah ini secara umumnya membincangkan kesediaan pengusaha homestay dalam membangunkan program pengalaman homestay di homestay Negeri Sembilan bagi setiap kesediaan yang perlu dipersiapkan oleh pengusaha homestay. Melalui kesediaan pengusaha homestay dalam membangunkan program pengalaman homestay adalah bermula daripada pengusaha homestay itu sendiri merangkumi misi dan semangat, rumah/aset, pengetahuan/kemahiran dan kepimpinan. Dan seterusnya, kesediaan melalui komuniti seperti sosial, ekonomi, alam sekitar dan teknologi. Akhirnya ke peringkat yang terakhir kepada kerajaan/agensi yang dirangkumkan kepada mukim/daerah, negeri dan negara. Dengan adanya gabbungan kesediaan pengusaha dari segi faktor pengusaha, komuniti dan kerajaan, para pengusaha mampu mengembangkan lagi homestay dan meningkatkan taraf homestay ke peringkat pada suatu masa akan datang. Ini kerana institusi homestay dalam negara telah berkembang dengan baik dan mendapat sokongan yang padu dari kerajaan sendiri sejajar dengan dasar negara yang ingin memartabatkan sektor pelancongan negara

Rujukan

- Amran Hamzah. (2010). *'Malaysian Homestays From the Perspective of Young Japanese Tourist: the Quest for Furusato'*. CIPD Monograf 2. Universiti Teknologi Malaysia : Skudai.
- Berita Harian. 2010. 19April.
- Asker S, Boronyak L, Carrard N, Paddon M (2010) *Effective Community Based Tourism: A Best Practice Manual*. Sustainable Tourism Cooperative Research Centre, Gold Coast, Australia.
- Butler, R.W. (1980). *The concept of a tourist area cycle of evolution: Implication for management of resources*. Canadian Geographer, 24: 5-12.
- Hall, C. M. (2005). *Introduction to Tourism in Australia: Impacts, Planning and Development*, Addison, Wesley and Longman, Melbourne, Australia.
- Irvine W, Anderson AR (2004) Small tourist firms in rural areas: Agility, vulnerability and survival in the face of crisis. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research* 10 (4), 229-246
- Jusoh, A. (2007). *Penentuan Kemahiran Yang Bersesuaian Untuk Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Teknologi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia

-
- Lola López-Bravo Palomino (2003), *Impacts Of Mass Tourism On Local Communities And The New Phenomenon Of Colonization Case Study: Majorca*
- McIntyre, G. 1993. *Sustainable Tourism Development: Guide for Local Planners*. Madrid: World Tourism Organization.
- Moscardo, G.(ed), (2008). *Building Community Capacity for Tourism Development, Australia*
- Kamus Definisi (2009). Definisi teknikal. Dicapai pada Oktober 9, 2012 dari Artikata.com: <http://www.artikata.com/arti-353701-teknik.html>
- Nunkoo R, Gursoy D (2012) Residents' support for tourism: An identity perspective. *Annals of Tourism Research* 39 (1), 243-268.
- Othman .R & Mohd Salleh. N.H (2010). Hubungan pembangunan industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi di beberapa negara utama Asean. *International Journal of Management Studies*, 17(1): 171-188.
- Othman, L. K. (2010). Pertumbuhan dan Pelestarian Industri Eko-Pelancongan: Kajian Pulau-pulau Peranginan Sekitar Pantai Timur Sabah, Malaysia. *Sosiohumanika*, 3(2) , 273-294.
- Rees, W.E. 1989. Defining Sustainable Development. *CHS Research Bulletin*. May (3). University of British Columbia.
- Wanhill, S. 1997. Introduction - Tourism Development and Sustainability. In C. Cooper and S. Wanhill (eds). *Tourism Development: Environmental and Community Issues*. New York: John Wiley & Sons.